



6 Disember 2012
6 December 2012
P.U. (A) 435

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH (REPUBLIK KOREA) 2012

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS (REPUBLIC OF KOREA) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH
(REPUBLIK KOREA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Republik Korea) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa mengikut Perkara 24(1) Triti.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, “Triti” ertinya Triti antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Korea mengenai Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah yang ditandatangani di Putrajaya, Malaysia pada 10 Disember 2010 yang di bawahnya Republik Korea telah bersetuju untuk memberikan bantuan dalam perkara jenayah kepada Malaysia.

Pengisytiharan Negara asing yang ditetapkan

3. Republik Korea diisytiharkan sebagai Negara asing yang ditetapkan bagi maksud Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Pemakaian Akta kepada Republik Korea

4. Bagi maksud Triti, Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 hendaklah terpakai berhubung dengan Republik Korea.

Kemasukan Triti dalam Perintah

5. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

JADUAL
[Perenggan 5]

**TRITI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA
DENGAN KERAJAAN REPUBLIK KOREA
MENGENAI BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH**

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Korea (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”),

Berhasrat untuk meningkatkan keberkesanan pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang Pihak-Pihak dalam pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan kesalahan melalui kerjasama dan bantuan bersama dalam perkara jenayah;

Telah bersetuju seperti yang berikut:

PERKARA 1
Ruang Lingkup Bantuan

1. Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini dan selaras dengan undang-undang domestik masing-masing, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama yang seluas mungkin berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan dan prosiding dalam perkara jenayah yang ke atasnya Pihak yang Meminta mempunyai bidang kuasa pada masa bantuan itu diminta.
2. Perkara jenayah hendaklah juga termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan pencukaian, duti kastam, kawalan pertukaran asing, atau apa-apa perkara hasil lain.
3. Bantuan sedemikian hendaklah terdiri daripada:
 - (a) mengambil keterangan atau pernyataan daripada seseorang;

- (b)* memperoleh pernyataan sukarela seseorang;
- (c)* membekalkan dokumen dan rekod yang berkaitan, termasuk rekod bank, kewangan, korporat atau perniagaan;
- (d)* membuat perkiraan untuk orang memberikan keterangan atau membantu dalam penyiasatan jenayah di Negara yang Meminta, termasuk pemindahan orang dalam jagaan;
- (e)* melaksanakan penyampaian dokumen kehakiman dan dokumen berkaitan;
- (f)* melaksanakan permintaan bagi penggeledahan dan penyitaan;
- (g)* memeriksa benda dan tempat;
- (h)* mengenal pasti, mengesan, mencari, menyekat urusan dalam, dan melucuthakkan peralatan yang digunakan dalam pelakuan sesuatu kesalahan, hasil jenayah, harta dan faedah lain yang diperoleh daripada hasil jenayah;
- (i)* apa-apa bentuk bantuan lain yang bersesuaian dengan tujuan Triti ini dan tidak dilarang oleh undang-undang Negara yang Diminta.

4. Bantuan tidak termasuk:

- (a)* penangkapan atau penahanan mana-mana orang dengan tujuan untuk mengekstradisi orang itu;
- (b)* penguatkuasaan penghakiman jenayah yang dikenakan di Negara yang Meminta di Negara yang Diminta kecuali setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Negara yang Diminta dan Triti ini;

- (c)* pemindahan orang dalam jagaan untuk menjalani hukuman;
 - (d)* pemindahan prosiding dalam perkara jenayah.
5. Triti ini tidak memberi kuasa kepada mana-mana Pihak untuk mengusahakan, di dalam wilayah Pihak yang satu lagi, pelaksanaan bidang kuasa atau pelaksanaan fungsi yang diletakkan dalam ruang lingkup eksklusif pihak berkuasa Pihak yang satu lagi oleh undang-undangnya.
 6. Triti ini terpakai semata-mata kepada pemberian bantuan bersama dalam perkara jenayah antara Pihak-Pihak. Peruntukan Triti ini tidak mewujudkan apa-apa hak bagi pihak mana-mana orang persendirian untuk memperoleh, menyekat, atau menghalang kemasukan apa-apa keterangan atau untuk menghalang pelaksanaan sesuatu permintaan untuk bantuan menurut Triti ini.

PERKARA 2

Pihak Berkuasa Pusat

1. Pihak Berkuasa Pusat bagi Republik Korea ialah Menteri bagi Keadilan atau pegawai yang ditetapkan oleh Menteri. Pihak Berkuasa Pusat bagi Malaysia ialah Peguam Negara atau pegawai yang ditetapkan oleh Peguam Negara.
2. Setiap Pihak hendaklah dengan secepat mungkin memberitahu Pihak yang satu lagi mengenai apa-apa perubahan dalam penetapan Pihak Berkuasa Pusatnya.
3. Permintaan untuk bantuan hendaklah dihantar melalui saluran diplomatik.
4. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 3, Pihak Berkuasa Pusat hendaklah berhubung secara langsung dengan satu sama lain, tetapi boleh, jika mereka memilih sedemikian, berhubung melalui saluran diplomatik.